

24/06/2002

Kesatuan sokong penggunaan bahasa Inggeris

MELAKA, Ahad - Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK) menyokong langkah kerajaan menggunakan bahasa Inggeris bagi pengajaran Sains dan Matematik tahun depan.

Setiausaha Agungnya, Datuk N Siva Subramaniam, berkata langkah itu wajar bagi memastikan sistem pendidikan negara mampu bersaing dalam cabaran globalisasi dan ledakan maklumat.

"Semua guru turut memberi sokongan dan kita bersatu dalam isu ini. Kita ada kaedah tertentu untuk dilaksanakan bagi memantapkan penguasaan bahasa Inggeris," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat tritahunan KPPK cawangan Melaka di sini, hari ini.

Sebelum ini, Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin, mengumumkan peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi mata pelajaran Sains dan Matematik akan dilaksanakan dalam bahasa Inggeris mulai tahun depan.

Semua peperiksaan itu, kecuali Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) akan diadakan dalam bahasa Inggeris serentak dengan pelaksanaan pengajarannya pada tahun depan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilaporkan berkata, kerajaan terpaksa membuat keputusan drastik itu kerana tidak mahu rakyat ketinggalan.

Dr Mahathir berkata, kerajaan terpaksa mempercepatkan pelaksanaan dasar itu kerana ia tidak boleh menunggu terlalu lama berikutan dunia dan teknologi bergerak begitu cepat.

Siva yang juga Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) berkata, peringkat awal pelaksanaan dasar itu mungkin mewujudkan masalah tetapi ia boleh diatasi.

"Dalam setiap perubahan sudah tentu ada masalah terutama segi teknikal. Bagaimanapun guru mempunyai pengalaman dalam perubahan beberapa subjek pada masa lalu," katanya.

(END)